

# Peguam 'bela diarah failkan afidavit PM ke mahkamah

19 FEB 2000

KUALA LUMPUR 18 Feb. — Mahkamah Tinggi di sini, hari ini mengarahkan peguam bela memfailkan afidavit yang mengandungi fakta relevan bagi alasan memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai saksi pada perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Datuk Ariffin Jaka mengeluarkan arahan itu setelah peguam bela Anwar, Karpal Singh bersama Gobind Singh Deo yang bertindak membela Sukma memberitahu bahawa anak guam masing-masing memilih untuk mengemukakan afidavit.

Sehubungan itu, Hakim Ariffin berkata, beliau belum membuat keputusan untuk menentukan sama ada relevan bagi memanggil Perdana Menteri memberikan keterangan dalam perbicaraan tersebut.

Mahkamah akan mendengar berhubung isu tersebut pada Selasa ini.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu bersama adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja sedang dicitrakannya atas tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar.

Terdahulu Hakim Ariffin memutuskan menolak bantahan awal yang ditimbulkan oleh Karpal berhubung isu sapina yang telah dikeluarkan kepada Perdana Menteri.

Menurut beliau, mahkamah boleh bertanya cara mana pihak yang bercadang untuk mengemukakan sebarang fakta

dan jika ia dibuktikan relevan mengikut peruntukan Seksyen 136 Akta Keterangan.

Dengan meneliti seksyen tersebut, kata Hakim Ariffin, ia tidak perlu bagi saksi memohon menyetepikan sapina sebelum diputuskan mengikut Seksyen 136(1) Akta Keterangan.

Hakim Ariffin menyampaikan keputusan ringkasnya selepas menimbang hujah pendakwa raya yang mengemukakan bantahan dengan menggunakan peruntukan seksyen tersebut bagi mempersoalkan sama ada relevan untuk memanggil Dr. Mahathir sebagai saksi pembela.

## Suasana

Ketika sidang diteruskan pada sesi pagi ini, suasana mahkamah kecoh seketika apabila Hakim Ariffin berkata, beliau akan mengeluarkan waran tangkap kepada saksi pembela yang dipanggil memberi keterangan tetapi tidak hadir di mahkamah.

Namun, selepas itu peguam bela Anwar, Gurbachan Singh memohon maaf atas kesilapan pihaknya kerana belum mendapatkan sapina untuk memanggil pemandu peribadi keluarga Anwar, Abdullah Sani Said.

Mahkamah menangguhkan keterangan saksi berkenaan pada Isnin ini.